

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HIU 225 - Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

JAWAB SOALAN SATU [1] (WAJIB) DAN PILIH DUA [2] SOALAN YANG LAIN.

1. Huraikan konsep dan pengertian nilai-nilai murni yang disenaraikan dan peranannya di dalam pembangunan syakhsiah dan akhlak manusia:

- | | |
|------------------|-----------------------------|
| [i] Iman/Tauhid | [v] Sabar |
| [ii] Taqwa | [vi] Syukur |
| [iii] Adil-Ihsan | [vii] Amanah |
| [iv] Pemurah | [viii] Kebersihan (Taharah) |

[40 markah]

2. Krisis moral dan pertembungan nilai sering berlaku di dalam sebuah masyarakat majmuk dengan sistem ‘langit terbuka’ seperti Malaysia. Dengan berpandukan pembacaan anda mengenai pendidikan rohani dan moral, terangkan langkah-langkah praktikal lagi berkesan bagi mengurangkan gejala-gejala pertembungan nilai tersebut.

[30 markah]

.../2

3. Pembangunan insan adalah matlamat ajaran Islam. Huraikan bagaimana pendidikan Islam secara bersepadu dapat membentuk manusia menjadi insan muttaqin pada peringkat peribadi dan juga ummah.

[30 markah]

4. Akhlak dan adab yang baik merupakan manifestasi bagi kesempurnaan jiwa seorang insan. Sebaliknya akhlak dan adab yang buruk mencerminkan keadaan jiwa dan nafsu yang tidak stabil. bincangkan kedua-dua keadaan di atas dengan berdasarkan keterangan Al-Quran, Al-Sunnah dan huraian para ulama Islam.

[30 markah]

-oooOOOooo -